



JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

Ibu Pejabat Kastam Diraja Malaysia
Bahagian Cukai Dalam Negeri
Kompleks Kementerian Kewangan
No. 3 Persiaran Perdana, Presint 2
62596 Putrajaya
MALAYSIA

No. Tel : +603 8882 22624
No. Fax : +603 8889 5889
e-Mail : cd@customs.gov.my



Diraja MIO ISO 9001:2000
Pergerakan Pembayaran Kepada Pembekal Dan
Warga Kastam Diraja Malaysia Di Ibu Pejabat

Ruj Tuan : -
Ruj Kami : KE.HF(11) 664/01/(C)/(8)
Tarikh : 15 November 2010

Senarai seperti di Lampiran A

Y. Bhg Dato'/Tuan/Puan

MAKLUMAN BERHUBUNG PENGENAAN DAN KENAIKAN KADAR CUKAI PERKHIDMATAN YANG DIUMUMKAN MELALUI BAJET 2011

Sukacita saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Yang Berhormat Menteri Kewangan telah mengumumkan, berkuatkuasa mulai 1 Januari 2011:

- i. kadar cukai perkhidmatan dinaikkan dari 5% kepada 6%; dan
- ii. cukai perkhidmatan 6% akan dikenakan ke atas penyiaran televisyen berbayar.

3. Walau bagaimanapun didapati ada penyedia perkhidmatan telahpun mengenakan cukai perkhidmatan 6 % ke atas pelanggan. Sila ambil perhatian bahawa kadar baru ini dikenakan ke atas semua perkhidmatan bercukai kecuali penyediaan perkhidmatan kad kredit dan kad caj bermula 1 Januari 2011.

4. Perundangan (Peraturan dan Perintah) berkaitan sedang dalam proses pewartaan. Garis panduan pelaksanaannya akan dikeluarkan oleh Bahagian Cukai Dalam Negeri, Ibu Pejabat Jabatan Kastam Diraja Malaysia dalam masa terdekat.

5. Dipohon kerjasama Y. Bhg. Dato'/Tuan/Puan memaklumkan perkara ini kepada ahli persatuan masing-masing.

Sekian. Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"


(AZIZAH BINTI IBRAHIM)
Bahagian Cukai Dalam Negeri
b.p Ketua Pengarah Kastam
Malaysia.

